

Sheqal terima bantuan PM

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, kelmarin, menghulurkan sumbangan kepada penyanyi Shahrin Salehuddin atau lebih dikenali sebagai Sheqal yang popular pada era 1990-an dengan lagu *Cinta Nusantara*.

Ketika ini, Sheqal yang berusia 58 tahun berkerusi roda selepas diserang angin ahmar empat kali.

Sumbangan bagi membantu urusan harian dan perubatan Sheqal disampaikan Setiausaha Politik Perdana Menteri, Ahmad Farhan Fauzi yang menziarahi penyanyi berkenaan di kediamannya, kelmarin.

“Saya mendoakan Sheqal dikurniakan afiyah serta sentiasa diberi kekuatan untuk meneruskan kehidupan bersama keluar-

ga tercinta, Insya-Allah,” kata Anwar dalam catatan di Facebook (FB).

Perdana Menteri turut berkongsi foto Ahmad Farhan menziarahi Sheqal.

Sheqal sebelum ini dilapor dimasukkan ke Hospital Tuanku Jaafar Seremban I (HTJI) dan kini berehat di rumah, lapor *BERNAMA*.

Pada Ogos tahun lalu, *HIP* melaporkan Sheqal diserang angin ahmar untuk kali ketiga menjadikan kehidupannya berubah mendadak.

Ketika itu, isterinya, Normah Mohd Yusoff dilapor berkata, Sheqal amat memerlukan kerusi roda, katil pesakit, tilam serta sumbangan tunai untuk

belanja perubatan.

Normah bersyukur ada individu bermurah hati menderma katil pesakit dan kerusi roda.

Sheqal muncul dengan album sulung berjudul *Balada Nusantara* di bawah bimbingan komposer Manan Ngah pada 1990.

Sheqal popular dengan rangkaian lagu seperti *Zapin Rindu-Rinduan*, *Cinta Nusantara*, *Kasih Tak Terhurai* dan *Ratib Orang Lautan*.

Album dihasilkan Sheqal sering dijadikan rujukan untuk genre muzik pop tradisional dan nusantara.

Tiga lagi album dirakam Sheqal adalah *Pudar Yang Tersirat Pasrah* pada 1991, *Cahaya* (1994) dan *Lambaian* (1998).



Ahmad Farhan menziarahi Sheqal di rumahnya, kelmarin.

(Foto ihsan FB Datuk Seri Anwar Ibrahim)